

SIRI KERANAMU MALAYSIA

***PERKEMBANGAN EKONOMI
DAN PEMBANGUNAN***

Muhamad Ismail Ahmad



Pustaka Mawar

PUSTAKA MAWAR

18, Lebuh Biru

Taman Kampung Kuantan

41300 Klang

Selangor Darul Ehsan

© Pustaka Mawar

Cetakan Pertama 2004

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindah dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhamad Ismail Ahmad

Perkembangan ekonomi dan pembangunan / Muhamad Ismail Ahmad.

(Siri keranamu Malaysia)

ISBN 983-875-350-5 (set)

ISBN 983-875-351-3

1. Malaysia--Economic conditions. 2. Malaysia--Economic policy.

3. Economic development projects--Malaysia. I. Judul. II. Siri.

330.9595

Dicetak oleh : Percetakan Rahim & Razak Sdn Bhd (174451-U)

23 APR 2004

NASKAH KELOMPOK 1001

PERPUSTAKAN NEGARA MALAYSIA

APB 01142139

AI
330.9595
A1A

PRAKATA

Siri Keranamu Malaysia ditulis berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku di dalam negara dan di luar negara yang melibatkan pembabitan Malaysia. Buku ini memaparkan pelbagai isu yang berkaitan dengan ekonomi dan perkembangan pendidikan yang berlaku dari dahulu hingga sekarang. Perhubungan Malaysia dengan dunia luar turut diberikan perhatian dan dihuraikan dengan lebih terperinci.

Buku ini sesuai dibaca dan dijadikan bahan rujukan oleh pelajar dan guru. Dalam merealisasikan perkembangan ekonomi dan menjana pembangunan negara, kerajaan turut memberi perhatian terhadap bidang pendidikan yang menjadi tonggak penting dalam melahirkan generasi berilmu. Justeru itu, siri ini turut menghuraikan kelahiran sekolah-sekolah yang menjadi nadi pendidikan negara.

Penulis ingin pembaca khususnya pelajar mengetahui dengan lebih jelas beberapa perkara penting yang seharusnya mereka fahami untuk dijadikan panduan kepada kehidupan yang lebih bermakna. Pengetahuan tentang sejarah Malaysia sepatutnya diberikan perhatian dan difahami intipatinya oleh setiap pelajar. Inilah cara terbaik untuk mengenali negara yang mereka cintai.

Siri Keranamu Malaysia turut menyentuh tentang pembangunan ekonomi negara yang sepatutnya diketahui dan difahami oleh pelajar. Tanpa pembangunan ekonomi negara maka Malaysia akan ketinggalan di arena antarabangsa. Pelajar harus bersedia mengikuti perkembangan ini untuk sama-sama menikmati kemakmuran dan kekayaan negara yang ada.

KANDUNGAN

Pendahuluan	1
Sudut Uji Minda	4
Sejarah Pembentukan Ekonomi Moden	5
Sudut Uji Minda	31
Lembaran Baru Ekonomi Malaysia	32
Sudut Uji Minda	46
Pembangunan Ekonomi Di Alaf Baru	47
Kesimpulan	60

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN



Keamanan dan kemajuan pembangunan menggalakkan pelabur asing melabur di Malaysia.

PENDAHULUAN

Sebagai sebuah negara yang membangun, dua agenda utama yang sentiasa ditekankan oleh Malaysia ialah pertumbuhan ekonomi dan kestabilan dalam pembangunan negara. Setelah 45 tahun merdeka, pastinya Malaysia telah menempuh segala pengalaman yang lebih memantapkan pemimpin dalam menentukan hala tuju negara.

Sektor ekonomi memainkan peranan penting kerana ia mempengaruhi pertumbuhan negara dalam pelbagai bidang. Contohnya, bidang pendidikan, politik dan pembangunan dalam dan luar negara. Dalam usaha menjaga ekonomi pemimpin negara berganding bahu bersama-sama dengan pemikir ekonomi bagi

mencari formula terbaik untuk memberi sumbangan yang besar kepada Malaysia. Perlu difahami bahawa ekonomi sesebuah negara tidak hanya dilihat dari segi kehidupan rakyat tetapi apa yang mampu dihasilkan oleh negara melalui usahanya sendiri.

Pada awal kemerdekaan kita sedia maklum bahawa Malaysia melalui zaman ekonomi pertanian dan tidak berapa lama selepas itu bergerak ke zaman perindustrian. Namun ketika ini kebanyakan bekalan diperolehi daripada luar negara dan ini membebankan negara. Faktor lain adalah sumber tenaga manusia. Kerajaan sentiasa menggalakkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran untuk bersama-sama membantu menjana ekonomi negara. Kita tidak mahu pertumbuhan ekonomi dimonopoli oleh orang asing yang sudah pastinya membawa impak yang kurang sihat kepada ekonomi negara.

Hari ini apabila membicarakan ekonomi negara atau melihat belanjawan yang dibentangkan, perkara utama yang dinantikan adalah keuntungan atau bonus yang bakal diperolehi. Sebenarnya sikap seperti ini kurang sihat dalam usaha menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Ekonomi negara boleh berada dalam



Suatu ketika dahulu Malaysia dikenali sebagai sebuah negara berasaskan pertanian.



Hasil pertanian yang ditanam kemudian dijual oleh peniaga kecil.

keadaan tidak menentu mungkin untung atau rugi atau statik. Dalam hal ini, pakar ekonomi dan pemimpin tempatan perlu menyampaikan maklumat kepada masyarakat awam dengan tepat apakah sebenarnya yang berlaku.

Namun begitu, kita berasa bersyukur kerana ekonomi Malaysia tidak seteruk negara-negara membangun yang lain. Keadaan seperti di Indonesia dan Thailand amat menyedihkan kerana ekonominya yang tidak stabil. Seperti yang dikatakan tadi pengaruh ekonomi amat besar kepada sesebuah negara. Ekonomi yang tidak dijana dengan betul membawa kepada kewujudan pelbagai masalah sosial dalaman negara. Di Thailand dapat kita lihat banyak berlaku masalah pengangguran sehingga membawa kepada gejala sosial yang parah di kalangan belia. Begitu juga dengan Indonesia, akibat tertipu dengan helah bank dunia (IMF) hari ini generasi muda terpaksa berhadapan dengan pelbagai kemelut ekonomi.

Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa ekonomi dan pembangunan mempunyai kaitan rapat ke arah mencapai matlamat negara. Apa yang penting pemimpin merupakan tonggak negara yang mencorakkan ekonomi negara. Dalam masa yang sama rakyat perlu sentiasa bersatu padu dengan menggelakkan apa juga gangguan yang boleh merencatkan pertumbuhan ekonomi.

SUDUT UJI MINDA

1. Sebutkan dua agenda dalam pembangunan negara Malaysia.
2. Kenapa ekonomi sesebuah negara perlu stabil?
3. Mengapa Malaysia menolak bantuan pinjaman daripada bank dunia (IMF)?
4. Mengapa rencana ini mengatakan ekonomi yang tidak dijana dengan betul boleh mengakibatkan masalah sosial dalam negara?
5. Apakah yang berlaku kepada Malaysia menjelang abad ke-19?
6. Apakah yang telah berlaku setelah pelabur besar dari luar negeri menanam modal di negara ini?
7. Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan ekonomi Tanah Melayu?
8. Bagaimana revolusi perindustrian berlaku?
9. Apakah faedah yang didapati daripada pembukaan Terusan Suez?
10. Bagaimanakah sikap Sultan dan pembesar Melayu ketika itu?
11. Mengapakah berlaku campur tangan British di Tanah Melayu?
12. Apakah yang berlaku semasa British mengendalikan ekonomi Tanah Melayu?
13. Sebutkan dua sistem pemerintahan British diwujudkankannya.
14. Di manakah perlombongan emas di Tanah Melayu pada abad ke-19?
15. Di manakah perlombongan arang batu dijalankan di Sabah?

SEJARAH PEMBENTUKAN EKONOMI MODEN



Getah peneh menjadi hasil eksport utama Malaysia.

Pada pertengahan abad ke-19 Malaysia yang ketika itu dikenali sebagai Tanah Melayu memperlihatkan perubahan ekonomi. Perubahan ini bererti bermulanya satu bentuk baru dari segi sosial dan ekonomi negara. Ciri-ciri pembangunan yang berlaku ditakrifkan sebagai sesuatu yang moden ataupun kapitalisme Barat. Ia memperlihatkan adanya pelaburan besar yang diperoleh dari luar negeri dan sebahagiannya adalah modal tempatan. Tujuan utama penggunaan modal ini adalah dalam bidang perusahaan, perlombongan dan penanaman.

Antara perubahan-perubahan yang telah berlaku adalah :

- a) Terdapat tanaman baru yang telah diperkenalkan seperti kelapa sawit, tembakau, kopi dan getah.
- b) Berlaku imigrasi sejumlah besar tenaga buruh Cina dan India untuk mengusahakan sektor perlombongan dan perladangan.

- c) Berlaku perubahan kepada bentuk pengurusan yang lebih berkesan iaitu yang diamalkan untuk mengendalikan kegiatan perlombongan dan perladangan yang dijalankan dalam skala yang besar.
- d) Kemudahan asas seperti jalan raya dan jalan kereta api disediakan. Kemudahan memunggah dan menyimpan barang di pelabuhan juga ditingkatkan.
- e) Sistem perhubungan seperti telegraf dan pos turut berkembang.

Sesuatu perubahan yang berlaku sebenarnya didorong oleh pelbagai faktor ke arah pembentukan ekonomi di Tanah Melayu.

Faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan ekonomi ialah :

I. Berlaku perkembangan revolusi perindustrian

Terdapat permintaan yang tinggi kepada keperluan bahan mentah. Ia diperlukan sebagai bahan mentah kepada barang-barang keluaran kilang. Tanah Melayu dikenal pasti sebagai kawasan yang terdapat banyak bahan mentah dan boleh dijadikan pasaran untuk memasarkan barang-barang keluaran kilang.



Proton ialah sebuah syarikat pengeluaran kereta nasional yang pertama di Malaysia.



Pembukaan terusan dan perairan laut membolehkan kapal-kapal dagang Barat berdagang ke Timur jauh dan sebaliknya.

2. Pembukaan Terusan Suez dan penggunaan kapal wap

Terusan ini dibuka pada tahun 1869 yang dapat memendekkan jarak dan masa pelayaran serta lebih selamat. Kapal wap ini dapat membawa muatan yang lebih banyak. Kapal ini juga tidak perlu bergantung kepada tiupan angin monsun dan pelayaran boleh dibuat mengikut jadual yang ditetapkan.

3. Sikap Sultan dan Pembesar Melayu

Golongan ini lebih peka terhadap perubahan yang berlaku di dunia luar dan peluang ekonomi terbuka kepada mereka. Oleh itu, mereka sentiasa bersedia menerima perubahan baru yang boleh mendatangkan manfaat kepada mereka.

4. Peluang ekonomi terbuka di Tanah Melayu

Peluang ekonomi di Tanah Melayu telah menyebabkan British campur tangan untuk menjaga kepentingan ekonomi di samping memperkukuhkan kedudukan mereka. Dalam masa yang sama pihak British memberi tumpuan kepada perkembangan ekonomi moden. Untuk itu, pihak British cuba mengatasi masalah ini dengan memperkenalkan sistem pentadbiran Barat seperti sistem pemilikan tanah.

Semasa British mengendalikan ekonomi Tanah Melayu berlaku keadaan tidak seimbang di antara pantai timur dengan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Keadaan ini terjadi kerana pihak British lebih tertumpu kepada pembangunan ekonomi di pantai barat. Pihak British juga telah memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi yang berorientasikan eksport seperti bijih timah dan getah. Ekonomi sara diri dijalankan oleh penduduk tempatan seperti menanam padi dan menangkap ikan.

Dengan itu sistem pemerintahan British telah mewujudkan sistem dwiekonomi di Tanah Melayu iaitu :

- i. Ekonomi moden berorientasikan eksport.
- ii. Ekonomi tradisional yang berbentuk sara diri.

Ekonomi Perdagangan

Dua ekonomi perdagangan yang diusahakan ialah :

- i. Perlombongan
- ii. Perusahaan bijih timah

Kedua-dua jenis perdagangan ini memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi Tanah Melayu.



Perkembangan ekonomi meningkatkan pelaburan dari negara-negara luar. Laluan laut menjadi alternatif utama dalam bidang perdagangan antarabangsa.



Kawasan kegiatan perlombongan yang masih dapat dilihat di negeri Selangor.

i. Perlombongan

Kawasan kegiatan perlombongan yang telah dijalankan di Tanah Melayu ialah di Sabah dan Sarawak. Melalui perlombongan ini pelbagai jenis bahan galian telah dilombong seperti emas, arang baru, antimoni, bijih timah dan bauksit. Pada masa itu negeri Pahang telah lama mengusahakan perlombongan emas tetapi tidak dapat mengeluarkan hasil yang banyak.

Pada abad ke-19 kawasan perlombongan emas lebih tertumpu kepada kawasan di Raub yang dijalankan secara komersial. Manakala pada tahun 1820-an emas dilombong di Bau kebanyakannya dikendalikan oleh masyarakat Cina. Setelah itu, kegiatan melombong emas telah dikuasai oleh Syarikat Borneo iaitu yang menggunakan kaedah perlombongan baru.

Walau bagaimanapun pada tahun 1921, kegiatan perlombongan emas telah diberhentikan kerana kos pengeluaran yang tinggi. Ini kerana walaupun kegiatan melombong emas ini dijalankan secara besar-besaran tetapi hasilnya tidak lumayan.

Kegiatan perlombongan arang batu dijalankan di Silimpon Colliery, Sabah antara tahun 1906 hingga tahun 1930. Sehingga kawasan ini menjadi kawasan perlombongan arang batu yang utama di Asia Tenggara. Di Tanah Melayu, arang batu dilombong di Batu Arang, Selangor pada tahun-tahun 1950-an. Hasil arang batu dibekalkan kepada Jabatan Keretapi Tanah Melayu.

Di Sarawak, perlombongan arang batu diusahakan oleh kerajaan di Sadong. Sarawak juga menghasilkan antinomi yang telah dieksport ke negara-negara Eropah pada abad ke-19. Salah satu bahan mentah yang penting di Sarawak adalah petroleum. Pada tahun 1909, sebuah syarikat yang dimiliki bersama oleh British dan Belanda iaitu Kumpulan Shell telah diberi hak untuk mencari gali petroleum. Petroleum ditemukan di Miri pada tahun 1910 dan tahun 1913 lebih kurang 26,000 ton minyak mentah telah dikeluarkan dan diproses di kilang penapis minyak Shell yang terletak di Lutong.

Dengan itu, kerja pemprosesan minyak telah menjadi perusahaan perkilangan yang penting di Sarawak. Petroleum menjadi keluaran Sarawak antara tahun-tahun 1920-an hingga tahun-tahun 1950-an.

ii. Perusahaan bijih timah

Sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua, bijih timah merupakan bahan galian yang terpenting di Tanah Melayu dan menjadi bahan eksport yang utama. Bijih timah dikenal pasti menjadi barang perdagangan sejak abad ke-19. Perak dan Selangor merupakan kawasan pengeluar utama.



Kilang penapis minyak milik Petronas.

Kekayaan hasil bijih timah telah menjadi daya tarikan terutama penjajah yang datang ke Tanah Melayu. Keadaan ini terbukti apabila pada abad ke-17 dan ke-18, Belanda berusaha memonopoli perdagangan bijih timah di Perak dan Selangor. Berikutan itu, British telah berusaha menguasai bijih timah di negeri-negeri tersebut. Sebelum menjelang kurun ke-19, perlombongan bijih timah diusahakan oleh orang Melayu secara kecil-kecilan. Namun begitu hasil pengeluarannya tidak banyak kerana mereka mengusahakannya secara sambilan. Manakala teknik yang digunakan hanya menggunakan cara mendulang.

Memandangkan perusahaan bijih timah begitu penting dalam industri pengeluaran maka ia telah diperkenalkan secara besar-besaran. Usaha ini mula dilakukan apabila penemuan timbunan bijih timah di Larut iaitu pada pertengahan abad ke-19. Ketika itu, Pembesar Larut iaitu Long Jaafar dan Ngah Ibrahim telah menggalakkan orang Cina melombong bijih timah di Larut. Dalam pada itu, saudagar-saudagar Cina di Negeri-negeri Selat berusaha membawa lebih ramai buruh dari negara China untuk bekerja di kawasan perlombongan.

Perkembangan industri bijih timah

Semenjak perusahaan bijih timah diusahakan ia menampakkan pertumbuhan yang begitu baik di Tanah Melayu. Antara faktor yang membawa kepada perkembangan perusahaan bijih timah ialah :

- i. Perkembangan revolusi perindustrian
 - a. Permintaan meningkat kerana bahan ini digunakan untuk membuat sadur timah bagi mengetin makanan.
 - b. Permintaan yang tinggi menyebabkan harga timah melambung naik dan menggalakkan pembukaan lebih banyak lombong bijih timah.
- ii. Kemasukan buruh Cina
 - a. Buruh Cina dibawa masuk dari selatan China.
 - b. Mereka menggunakan kaedah lombong dedah dan pam kelikir.
- iii. Pelaburan asing
 - a. Modal disediakan oleh pengusaha Eropah dan Cina.
 - b. Mereka membuka banyak lombong bijih timah.

- iv. Penggunaan kapal korek
 - a. Diperkenalkan oleh orang Eropah pada tahun 1912.
 - b. Penggunaannya dapat mempertingkatkan pengeluaran bijih timah dengan lebih banyak.
- v. Kemudahan sistem perhubungan
 - a. Terdapat banyak jalan raya dan landasan kereta api dibina untuk memudahkan pengangkutan bijih timah dari kawasan perlombongan ke pelabuhan.
 - b. Jalan raya dan landasan kereta api dibina untuk memudahkan pengangkutan bijih timah dari kawasan perlombongan ke pelabuhan.

Perkembangan yang menggalakkan ini menjadikan Tanah Melayu sebagai pengeluar utama bijih timah dunia sejak tahun 1880-an. Dengan membekalkan lebih separuh bijih timah dunia. Keadaan ini terbukti terutama pada tahun 1898, Tanah Melayu telah berjaya mengeksport lebih kurang 40,000 tan bijih timah. Menjelang tahun 1899, 46% daripada pendapatan kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu diperolehi daripada penjualan bijih timah. Pada akhir abad ke-19 hingga tahun 1912, perusahaan bijih timah dikuasai oleh orang Cina.

Akibatnya beberapa buah syarikat milik orang Eropah pada ketika itu terpaksa ditutup kerana menghadapi kerugian besar. Pengusaha Cina dapat



Kemudahan sistem jalan raya yang baik dapat meningkatkan aktiviti perdagangan.



Kapal korek yang digunakan dalam aktiviti melombong bijih timah.

menguasai perusahaan bijih timah kerana mereka mempunyai pekerja Cina yang ramai dan mengawal pekerja melalui kongsi gelap Cina. Mereka juga mendapat hak pajakan cukai untuk menjual candu dan membuka kedai judi. Maka keuntungan yang diperolehi dijadikan modal untuk membuka lebih banyak kawasan lombong.

Namun begitu pada tahun 1912, perusahaan bijih timah kembali dikuasai oleh orang Eropah kerana beberapa faktor iaitu :

- i. Mempunyai modal yang besar
 - a. Modal diperolehi melalui perjanjian penjualan saham.
 - b. Mampu membuka lombong-lombong baru.
 - c. Mempunyai jentera berat seperti kapal korek.
- ii. Penggunaan kapal korek
 - a. Diperkenalkan pada tahun 1912 di Batu Gajah, Perak.
 - b. Memerlukan kos yang tinggi tetapi dapat menambahkan hasil dengan berlipat ganda.
- iii. Kongsi gelap Cina mula diharamkan pada tahun 1890 dan sistem pajakan telah dimansuhkan. Akibatnya kebanyakan buruh Cina hilang punca pendapatan dari sistem pajakan. Ini kerana pada tahun 1920, mereka hanya mampu mengeluarkan 64% hasil bijih timah.



Seorang pekerja sedang mendulang bijih. Cara ini digunakan oleh orang Cina untuk mendapatkan bijih.

Kemampuan syarikat Eropah terbukti apabila mereka berkeupayaan mengeluarkan hampir dua pertiga daripada pengeluaran eksport bijih timah Tanah Melayu.

Antara syarikat-syarikat Eropah yang ditubuhkan di Tanah Melayu ialah :

- i. Societe des Mines D'Etain De Perak : Dimiliki oleh orang Perancis yang ditubuhkan pada 1883.
- ii. Gopeng Consolidated Tin Company : Dimiliki oleh orang Inggeris.
- iii. Osborne dan Chappel : Dimiliki oleh orang Inggeris.
- iv. Anglo-Oriental (Malaya) : Mengawal dua puluh buah syarikat perlombongan bijih timah. Syarikat ini berjaya menghasilkan 50% daripada pengeluaran bijih timah syarikat-syarikat Eropah.

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa ekonomi perdagangan iaitu perlombongan bijih timah membawa banyak perubahan kepada pertumbuhan ekonomi Tanah Melayu.

Ekonomi Pertanian Dagangan

Pertanian dagangan telah diusahakan pada masa yang sama dengan perusahaan perlombongan. Pertanian dagangan telah menjadi sumber pendapatan yang utama di Tanah Melayu. Pertanian dagangan ini dilakukan dalam dua peringkat iaitu peringkat pertama dan peringkat kedua.

i. Peringkat pertama

Diusahakan sebelum abad ke-20 iaitu tanaman seperti lada hitam, gambir, ubi kayu, tebu dan kopi. Semua tanaman ini merupakan tanaman jangka pendek kecuali kopi.

Pertanian peringkat pertama ini diklasifikasikan seperti berikut iaitu :

1. Lada Hitam

Tanaman ini dibuka oleh masyarakat Cina melalui sistem kangchu. Dalam pada itu, kerajaan Brooke telah memberi konsesi tanah kepada orang Cina untuk membuka ladang lada hitam dan gambir.

2. Sagu

Diusahakan oleh orang Melanau. Sagu merupakan antara eksport utama Sarawak pada abad ke-19 dan setengah daripada pengeluaran sagu dunia adalah dari Sarawak.

3. Ubi kayu

Ladang-ladang ubi kayu dibuka secara komersial. Dengan itu, menjelang tahun 1850, ubi kayu merupakan tanaman dagangan yang menguntungkan.

4. Tebu

Kebanyakan ladang tebu telah dibuka oleh peladang dari Eropah dan mendirikan kilang-kilang memproses gula. Ladang ini juga diusahakan oleh orang Cina secara pertanian pindah.



Ladang tebu telah dibuka oleh peladang dari Eropah dan mereka juga telah mendirikan kilang memproses gula.

5. Kopi

Ladang kopi dibuka oleh peladang Eropah yang pernah membuka ladang kopi di Sri Lanka (Ceylon). Ia dibuka kerana harganya yang tinggi di pasaran dan menjadi eksport yang penting antara tahun 1880. Namun pengeluarannya merosot menjelang akhir abad ke-19 kerana diserang penyakit dan harganya menjadi rendah.

6. Pembalakan

Aktiviti ini menjadi sumber pendapatan Sabah dan Sarawak sejak abad ke-19. Dalam masa yang sama kayu balak dieksport ke Hong Kong, Australia, Jepun dan Britain. Syarikat British Borneo Timber Company telah mendapat hak monopoli untuk menebang, mengumpul dan mengeksport kayu balak selama 25 tahun.

7. Tembakau

Ditanam untuk tujuan eksport pada tahun 1884. Pada tahun 1902, eksport tembakau Sabah bernilai \$2 juta. Tetapi pengeluaran merosot pada awal abad ke-20.

ii. Peringkat kedua

Melaksanakan penanaman getah manakala kegiatan pertanian mula dijalankan secara besar-besaran. Pada peringkat ini sistem ladang mula diamalkan dengan memerlukan pekerja yang ramai. Maka tenaga buruh mula dibawa masuk dari selatan India.



Ladang kopi turut dibuka oleh peladang Eropah yang pernah membuka ladang kopi di Sri Lanka atau dikenali juga sebagai negara Ceylon.



Sistem torehan yang lebih baik diperkenalkan. Sistem itu dikenali sebagai torehan ikan herring atau sistem ibidem.

Rancangan pertanian dagangan peringkat kedua ini muncul apabila hasil pertanian dagangan seperti kopi dan tembakau menghadapi kejatuhan harga di pasaran dunia pada akhir abad ke-19. Dengan itu, pihak British telah berusaha untuk menanam tanaman yang lebih menguntungkan.

Berdasarkan iklim, Tanah Melayu dikenal pasti sebagai kawasan yang sesuai untuk menanam getah terutama dari jenis *Hevea Brasiliensis*. Tidak terdapat serangga perosak atau penyakit pokok yang mengancam pertumbuhan. Peranan penting ini dimainkan oleh H.N. Ridley iaitu Pengarah Botanical Garden Singapura yang menggalakkan penanaman getah di Tanah Melayu.

Kaedah menoreh getah yang sesuai juga diperkenalkan iaitu sistem torehan ikan herring atau sistem ibidem. Kaedah ini dikenal pasti sebagai cara terbaik menambahkan pengeluaran susu getah tanpa merosakkan kulit pokok dan dapat memanjangkan hayat pokok getah.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong perkembangan perusahaan getah iaitu :

- i. Perkembangan revolusi perindustrian di Eropah
 - a. Terdapat pelbagai barang yang diperbuat daripada getah.
 - b. Kemunculan perusahaan motokar.
 - c. Bertambahnya permintaan terhadap getah dan harga yang tinggi.


- ii. Penyelidikan
 - a. Banyak penyelidikan telah dijalankan tentang cara penanaman yang lebih baik terutama yang berhubung kesesuaian tanah dan pembekuan getah.
- iii. Tenaga buruh
 - a. Kemasukan buruh India dari selatan India untuk mengusahakan ladang getah.
- iv. Syarikat perwakilan
 - a. Ia ditubuhkan di Tanah Melayu dan Singapura dengan modal dari London melalui penjualan saham dan ini memudahkan mereka membeli tanah untuk membuka ladang getah.
 - b. Syarikat-syarikat ini memainkan peranan untuk mengurus, mengawal ladang dan mengeksport getah.
- v. Dasar British
 - a. Melaksanakan peraturan tanah khas yang membolehkan pengusaha mendapatkan tanah yang lebih luas.
 - b. Mengenakan bayaran sewa yang rendah.
 - c. Memberi pinjaman khas kepada syarikat-syarikat Eropah dengan faedah yang rendah.



Kebanyakan buruh dibawa masuk dari selatan India.



Pembukaan ladang getah yang luas memerlukan tenaga buruh yang banyak.



Getah yang telah dibekukan di mesin sebelum dijemur.

- vi. Kemudahan asas
 - a. Kerajaan British telah berusaha membina jalan raya dan landasan kereta api untuk memudahkan pengangkutan getah ke pelabuhan.

Perkembangan perusahaan getah

Permintaan terhadap getah amat tinggi terutama bagi tahun 1905 hingga 1908, keadaan ini menyebabkan harga getah melambung tinggi. Untuk menampung permintaan tersebut lebih banyak ladang getah dibuka secara meluas di Tanah Melayu. Sehingga menjelang tahun 1908, kawasan ladang getah meliputi tanah seluas 269,230 ekar di Tanah Melayu.

Antara tahun 1909 hingga 1913, seluas 795,340 ekar tanah telah ditanam dengan getah dan keluasan ini turut meningkat kepada satu juta ekar pada tahun 1920. Pada tahun 1916, nilai eksport getah telah mengatasi nilai eksport yang mendatangkan pendapatan utama kepada Tanah Melayu. Kemudian pada tahun 1920, Tanah Melayu menghasilkan 53% daripada jumlah pengeluaran getah.

Namun begitu, dasar kerajaan British lebih cenderung kepada peladang Eropah. Maka keadaan ini mendatangkan kesan buruk kepada pekebun kecil terutama majoritinya adalah orang Melayu. Pada tahun 1917, jumlah pengeluaran getah pekebun kecil hampir sama dengan jumlah pengeluaran ladang getah.



Institut Penyelidikan Getah Malaysia.

Kemerosotan perusahaan getah

Walau bagaimanapun harga getah mula merosot sehingga menyebabkan banyak ladang getah terpaksa ditutup. Manakala pekerja yang kebanyakannya terdiri daripada buruh India terpaksa dihantar pulang.

Kemerosotan harga getah juga menyebabkan kadar hutang di kalangan petani meningkat. Dengan itu, mereka terpaksa menjual tanah untuk menjelaskan hutang. Pihak British pula telah berusaha mempelbagaikan jenis tanaman dagangan supaya tidak hanya bergantung kepada penanaman getah. Tanaman yang paling penting pada masa itu ialah kelapa sawit dan kelapa.

Kemunculan Sistem Pengangkutan

Pertumbuhan perusahaan seperti pertanian dan perdagangan telah menyebabkan kemunculan sistem pengangkutan. Pada asalnya jalan raya dibina menghubungkan kawasan lombong bijih timah dengan pangkalan-pangkalan di sungai. Keadaan ini memudahkan bijih timah dihantar ke pelabuhan yang terdekat.



Daripada aktiviti perlombongan bijih timah maka muncullah sistem jalan raya yang dibina oleh penjajah British. Sistem jalan raya ini dibina untuk memudahkan pengangkutan bijih timah ke pelabuhan yang terdekat.



Kapal dagang mengangkut barang untuk dieksport.

Pada ketika itu, pelabuhan-pelabuhan yang menjadi pusat mengekspor bijih timah di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu ialah :

- a. Port Weld
- b. Teluk Intan
- c. Klang
- d. Linggi
- e. Melaka

Syarikat kapal seperti Straits Steamship telah ditubuhkan pada tahun 1890 merupakan syarikat kapal wap yang terbesar. Kapal ini berlayar dari Singapura dan Pulau Pinang singgah di pelabuhan-pelabuhan di atas untuk mengambil muatan dan penumpang.

Sebaliknya di Sabah dan Sarawak sistem pengangkutan kurang maju kerana keadaan muka buminya yang bergunung-ganang. Tetapi pembinaan sistem pengangkutan di kedua-dua negeri tersebut tertumpu di sepanjang sungai-sungai utama dan pantai. Di Sabah, landasan kereta api yang dibina menghubungkan Jesselton. Manakala di Sarawak landasan kereta api dibina dari Kuching ke Batu 10.

Namun begitu, penggunaan kenderaan bermotor telah mempertingkatkan

pembinaan jalan raya di Tanah Melayu. Jalan raya yang dibina pada awal abad ke-20 ialah :

- i. Tahun 1911 :
 - a. Pembinaan jalan raya dari Seberang Perai ke Melaka.
 - b. Pembukaan jalan raya dari Kuala Lumpur ke Kuantan.
 - c. Pembukaan jalan raya telah menghubungkan negeri-negeri di pantai barat dengan negeri-negeri di pantai timur.

- ii. Tahun 1911 – 1928 :
 - a. Pembinaan jalan raya dari Perlis ke Singapura.
 - b. Pembinaan jalan raya memudahkan dan mempercepat perjalanan di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu.

Pembinaan jalan kereta api juga telah memberi sumbangan besar bagi memudahkan urusan perdagangan. Jalan kereta api dibina bagi mengangkut bijih timah dari kawasan perlombongan. Ia dibina sejak akhir abad ke-19 dan diteruskan pada awal abad ke-20.

Kemunculan perkhidmatan kereta api memberi beberapa kesan iaitu :

- i. Perusahaan getah telah dipertingkatkan.
 - a. Kawasan pedalaman dapat berhubung dengan bandar dan ini menggalakkan lebih banyak ladang baru dibuka.
 - b. Pembinaan jalan kereta api di Johor menggalakkan orang Eropah mula melabur dalam perusahaan getah.



Kesan daripada urusan perdagangan maka terbina jalan kereta api bagi mengangkut bijih timah dari kawasan perlombongan. Jalan kereta api mula dibina pada akhir abad ke-19.



Aktiviti di kawasan pelabuhan menjadi semakin sibuk. Pelabuhan merupakan pusat utama mengeksport bijih timah di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu.

- ii. Mempercepat pengangkutan dan mampu mengangkut muatan yang lebih banyak.
- iii. Mempertingkatkan peranan bandar iaitu bandar berkembang sebagai pusat pentadbiran, pusat kegiatan ekonomi dan sosial serta sebagai penyelaras kegiatan ekonomi.

Keadaan ini membawa kebaikan kepada pertumbuhan ekonomi Tanah Melayu. Sehingga pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 ekonomi moden Tanah Melayu telah berkembang dengan pesat.

Pertumbuhan Ekonomi Moden

Pada mulanya ekonomi yang dijalankan secara sara diri adalah dengan mengamalkan kaedah tradisional. Mereka menjalankan kegiatan menanam padi dan menangkap ikan. Kebanyakan penduduk di luar bandar tidak dapat menikmati kemudahan awam seperti yang terdapat di bandar.

Pada masa ini, wujud dwiekonomi iaitu ekonomi moden yang mempunyai hubungan langsung dengan ekonomi antarabangsa dan ekonomi tradisional yang bercorak sara diri. Walaupun wujud dua bentuk ekonomi yang diusahakan namun ia saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Kerajaan British di Tanah Melayu telah menjalankan dasar untuk mengekalkan orang Melayu dalam sektor ekonomi tradisional atas beberapa faktor iaitu :

- i. Tidak mahu orang Melayu terlibat dalam ekonomi moden kerana bimbang kedudukan ekonomi dan politik British terancam.
- ii. Mengekalkan corak hidup tradisi orang Melayu di kawasan luar bandar.
- iii. Tidak mahu mendedahkan orang Melayu secara langsung kepada perdagangan antarabangsa atau ekonomi dunia. Ia bagi mengelakkan timbul perasaan tidak puas hati di kalangan orang Melayu hingga menyebabkan kedudukan British terjejas.
- iv. Menyekat orang Melayu untuk terlibat dalam pertanian dagangan kerana bimbang hasil pengeluaran mereka akan mengatasi pengeluaran sektor ladang. Pengeluaran yang berlebihan menyebabkan harga terjejas terutama di pasaran dunia.
- v. Hanya membiarkan orang Melayu terus menanam padi sekadar menampung keperluan penduduk tempatan.

Walau bagaimanapun telah British ini dapat dihidu oleh kebanyakan masyarakat Melayu. Kebanyakan mereka berazam untuk meningkatkan hasil pertanian melalui bantuan teknologi moden.



Antara jalan kereta api awal yang telah dibina ialah di Klang, Selangor.



Sektor pertanian telah ditingkatkan dengan penggunaan teknologi moden.

Wujudnya Masyarakat Majmuk

Pertumbuhan sektor pertanian, perlombongan dan perladangan telah mendesak kerajaan British membawa masuk orang Cina dan India. Lama-kelamaan secara tidak langsung keadaan ini mewujudkan kehidupan berbilang kaum di Tanah Melayu. Kewujudan masyarakat majmuk ini memberi banyak kemungkinan yang mungkin boleh berlaku jika tidak ditangani dengan betul.

Masyarakat majmuk ditakrifkan sebagai masyarakat yang terdiri daripada beberapa kaum yang dapat hidup berdampingan serta bercampur gaul antara satu sama lain. Mereka hidup dalam satu unit politik yang sama tetapi hidup berasingan dan tidak bersatu. Setiap kaum memiliki identiti sendiri dari segi bahasa, agama, kebudayaan dan cara hidup yang berbeza.

Kedatangan orang Cina dan India

Kemasukan buruh Cina dan India secara beramai-ramai telah membawa kepada pertambahan penduduk di Tanah Melayu. Pada awal abad ke-19 dan awal abad ke-20, buruh asing datang dan bekerja di Tanah Melayu untuk beberapa tahun dan kemudiannya mereka akan pulang ke negara asal.

Namun begitu, keadaan politik yang tidak stabil di negara China menjadi faktor penolak kepada berlakunya imigrasi dari Cina pada tahun 1930-an. Kemasukan imigrasi wanita Cina telah mengimbangkan kadar jantina dan mereka terus menetap di sini.

Antara faktor kemasukan buruh Cina dan India ke Tanah Melayu ialah:

- i. Kestabilan politik
 - a. Keadaan politik di Cina dan India tidak stabil. Maka suasana aman di Tanah Melayu menjadi pilihan mereka.
- ii. Pertumbuhan ekonomi
 - a. Tanah Melayu adalah negara yang kaya dengan bahan mentah seperti bijih timah dan getah.
 - b. Perkembangan ekonomi memerlukan tenaga buruh yang ramai terutama dalam bidang perlombongan dan perdagangan.
 - c. Peluang pekerjaan menjadi faktor kedatangan buruh dari Cina dan India.
- iii. Galakan pihak British
 - a. British menggalakkan kemasukan buruh Cina dan India dengan memperkenalkan dasar yang memudahkan kemasukan imigrasi.
 - b. Raja-raja dan pembesar Melayu juga memberi kerjasama dalam menggalakkan kemasukan imigrasi.



Kemasukan buruh asing telah mewujudkan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Menjelang tahun 1929, terdapat seramai 195,613 orang imigrasi Cina di Negeri-negeri Selat. Mereka bebas untuk datang ke Tanah Melayu. Akibatnya pada tahun 1929, keadaan buruk berlaku apabila berlaku kemelesetan ekonomi. Antara kesannya ialah :

- i. Beribu-ribu pekerja di ladang getah dan lombong bijih timah terpaksa diberhentikan kerja.
- ii. Ramai pekerja dihantar pulang.
- iii. Berlakunya masalah sosial.

Kewujudan masyarakat majmuk di Tanah Melayu telah menimbulkan banyak perbezaan antara satu sama lain. Perbezaan tersebut adalah dari segi :

- i. Organisasi sosial dan budaya
 - a. Organisasi sosial diwujudkan akibat berlakunya imigrasi kerana menjaga kepentingan pekerjaan dan perniagaan.
 - b. Bertujuan memupuk unsur ke daerah tempat asal mereka dan menjaga kepentingan agama dan kebudayaan mereka.
- ii. Kegiatan ekonomi
 - a. Dalam pentadbiran British terdapat kumpulan etnik yang berlainan digalakkan untuk melibatkan diri dalam bidang ekonomi yang berbeza iaitu :
 - i. Orang Melayu menjadi petani dan nelayan di luar bandar.
 - ii. Orang Cina menjadi pelombong dan peniaga di bandar.
 - iii. Orang India menjadi penoreh getah di estet.
 - iv. Orang Ceylon menjadi kerani dalam perkhidmatan awam.
- iii. Petempatan
 - a. Orang Cina yang terlibat dalam bidang perlombongan dan perdagangan kebanyakannya tinggal di kawasan bandar.
 - b. Orang Melayu yang menjalankan kegiatan ekonomi tradisional seperti bertani dan menangkap ikan tinggal di luar bandar.
 - c. Orang India yang menceburkan diri dalam sektor perladangan tinggal di estet.

- iv. Pendidikan
- a. Ketika ini wujud empat jenis sekolah iaitu sekolah Melayu, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Inggeris.
 - b. Sekolah-sekolah ini didirikan oleh kaum masing-masing bertujuan untuk memenuhi keperluan kaum sendiri dari segi bahasa penghantar atau kurikulumnya.
 - c. Keadaan ini telah meninggalkan beberapa kesan iaitu :
 - i. Pendidikan Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil berorientasikan sistem pendidikan negara asal. Keadaan ini menyebabkan jurang perbezaan yang lebih luas antara kaum yang terdapat di Tanah Melayu.
 - ii. Orang Melayu tetap menjadi miskin kerana terlibat dalam ekonomi tradisional. Kemudahan dan peluang untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik adalah tipis.
 - iii. Orang India tidak mempunyai pendidikan yang mencukupi untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik.
 - iv. Orang Cina mempunyai peluang untuk memperluas ekonomi. Malah mereka adalah orang utama yang memainkan peranan dalam perniagaan dan perdagangan.

Kesan pertumbuhan ekonomi sebelum merdeka

Perubahan ekonomi telah membawa kepada pengasingan sosial dan kebudayaan dalam masyarakat majmuk. Keadaan ini mewujudkan perbezaan tahap pembangunan antara kaum sebelum merdeka. Faktor utama yang mewujudkan jurang ini ialah sistem pemerintahan British yang



Masyarakat Cina yang tinggal di bandar melibatkan diri dalam perniagaan.



Masyarakat Melayu lebih ramai tinggal di luar bandar dan mengamalkan perusahaan sara diri. Ini telah membina jurang antara tiga kaum terbesar di Tanah Melayu ketika itu.

mengamalkan dasar pecah dan perintah. Selain itu, terdapat beberapa kesan positif hasil pertumbuhan ekonomi Tanah Melayu sebelum merdeka iaitu :

- a. Kehidupan masyarakat majmuk
 - i. Penghijrahan orang Cina, India dan Indonesia telah mewujudkan satu masyarakat majmuk di Tanah Melayu.
 - ii. Kaum-kaum Cina, India dan Melayu hidup secara berasingan dan mengekalkan identiti serta kebudayaan masing-masing.
 - iii. Orang Cina tinggal di bandar-bandar, India di ladang-ladang getah dan kelapa sawit dan orang Melayu di kawasan luar bandar.
 - iv. Interaksi antara kaum adalah terhad dan setiap kaum telah mengasaskan institusi-institusi sosial yang tersendiri seperti sekolah, kuil dan persatuan. Ini telah menyulitkan proses perpaduan nasional.

- b. Peningkatan bilangan penduduk
 - i. Penghijrahan masuk golongan imigrasi telah menambahkan bilangan penduduk Tanah Melayu dengan pesat.
 - ii. Jumlah penduduk bertambah daripada kira-kira setengah juta orang pada tahun 1870 kepada kira-kira 3.3 juta orang pada tahun 1921.
 - iii. Menjelang tahun 1931, jumlah penduduk bukan Melayu melebihi jumlah penduduk Melayu.

- c. Pembukaan bandar-bandar baru
 - i. Penglibatan golongan imigrasi pendatang dalam perusahaan bijih timah dan getah telah mewujudkan beberapa buah bandar baru seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping dan Klang.

- d. Berkembangnya perusahaan bijih timah dan getah
 - i. Kemasukan orang Cina secara beramai-ramai ke Tanah Melayu telah mengakibatkan perkembangan perusahaan bijih timah dengan pesat.
 - ii. Orang Cina telah membuka dan mengerjakan lombong-lombong bijih timah serta memperkenalkan cara-cara perlombongan yang lebih berkesan.
 - iii. Orang India pula telah membantu mengembangkan perusahaan getah dengan membekalkan tenaga buruh yang murah.
 - iv. Tenaga buruh India telah membolehkan pembukaan banyak ladang getah yang besar oleh orang Eropah.
 - v. Tanah Melayu muncul sebagai negara pengeluar bijih timah dan getah yang utama di dunia.

- e. Wujudnya sistem perhubungan
 - i. Golongan imigrasi khususnya orang India telah menyumbangkan tenaga bagi pembinaan jalan raya dan jalan kereta api.
 - ii. Jalan raya dan jalan kereta api dibina bagi menghubungkan kawasan-kawasan bijih timah dan getah dengan pelabuhan-pelabuhan.

Perubahan yang paling utama adalah kesedaran dalam diri orang Melayu. Setelah melalui berbagai-bagai peristiwa hitam mereka sedar perlunya perubahan yang paling besar iaitu menuntut kemerdekaan. Orang Melayu sudah serik dengan heilah British dan mendapat keinsafan daripada kekejaman komunis dan Jepun. Keadaan ini menjadi pendorong kepada orang Melayu untuk bersatu tenaga memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

SUDUT UJI MINDA

1. Di manakah letaknya kawasan perlombongan arang batu yang utama di Asia Tenggara?
2. Apakah teknik lama yang digunakan untuk mengusahakan bijih timah yang dilakukan oleh orang Melayu?
3. Siapakah yang menonopoli bijih timah pada abad ke-17 dan ke-18 di Tanah Melayu?
4. Siapakah pembesar Larut yang bertanggungjawab menggalakkan orang Cina melombong bijih timah di Larut?
5. Apakah antara faktor yang membawa kepada perkembangan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu?
6. Dari manakah buruh kaum Cina dibawa masuk?
7. Bagaimanakah pengusaha Cina mengawal pekerja mereka?
8. Pada tahun berapakah orang Eropah kembali menguasai bijih timah?
9. Pada tahun berapakah kapal korek digunakan dalam kerja-kerja melombong bijih timah?
10. Nyatakan syarikat yang diberikan hak mencari gali petroleum di Miri, Sarawak.
11. Nyatakan antara syarikat Eropah yang ditubuhkan di Tanah Melayu.
12. Siapakah yang memberikan tanah kepada orang Cina untuk membuka ladang lada hitam dan gambir?
13. Namakan kaum yang mengusahakan sagu untuk dieksport.
14. Siapakah yang mula membuka ladang kopi?
15. Sebutkan kaedah menoreh getah yang lebih sesuai.

LEMBARAN BARU EKONOMI MALAYSIA



Sebelum merdeka, perkembangan ekonomi luar bandar amat menyedihkan. Masyarakat luar bandar hidup dalam keadaan serba kekurangan. Pencapaian ekonomi dan peningkatan taraf hidup masyarakat luar bandar mula terbelak setelah Malaysia mencapai kemerdekaan.

Sebaik sahaja kemerdekaan dicapai, Malaysia pantas mengorak langkah merangka sebaik mungkin perancangan khusus dalam pembangunan ekonomi. Antara usaha yang telah dilakukan ialah :

1. Rancangan Malaya Pertama, Fasa Pertama (1956 – 1960)

Rancangan ini bertujuan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan tumpuan kepada sektor luar bandar. Usaha ini dilaksanakan dengan mempelbagaikan keluaran pertanian dan menambahkan peluang pekerjaan. Tumpuan diberi kepada kawasan luar bandar kerana sebahagian besar rakyat yang berpendapatan rendah tinggal di luar bandar.

2. Rancangan Malaya Pertama, Fasa Kedua (1961 – 1965)

Peringkat Fasa Kedua adalah kesinambungan daripada fasa pertama. Tumpuan masih diberikan kepada penduduk luar bandar selain meningkatkan kemudahan infrastruktur yang ada di kawasan bandar dan luar bandar.

Pelan induk bagi DEB dikenali sebagai Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) yang dilaksanakan melalui :

- a. Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970)
- b. Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)
- c. Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)
- d. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)
- e. Rancangan Malaysia Kelima (1986-1999)

2. Rancangan Malaya Kedua (1971 – 1975)

Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk tempoh 20 tahun dibentuk. Dasar ini bertujuan membetulkan ketidakseimbangan ekonomi yang wujud di antara kaum dan wilayah bagi mencapai perpaduan negara.

Kesedaran ini timbul setelah tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 iaitu rusuhan antara kaum sehingga menyebabkan kerajaan mengkaji semula matlamat, strategi dan program pembangunan negara.

Dasar pembangunan negara seharusnya tidak terhad kepada pertumbuhan ekonomi dari segi peningkatan hasil keluaran negara dan pembangunan fizikal. Sebaliknya tumpuan harus juga diberi kepada pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama.

Asasnya rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang dirangka mempunyai tujuan iaitu :

- i. Mempelbagaikan ekonomi bagi mengurangkan pergantungan negara pada getah dan bijih timah.
- ii. Menyeimbangkan pembangunan ekonomi kawasan bandar dan luar bandar.
- iii. Membetulkan ketidakseimbangan sosial-ekonomi yang wujud di antara kaum bagi memupuk perpaduan negara.

Usaha-usaha kerajaan ini meliputi pelbagai program seperti :

- i. Peningkatan taraf hidup golongan miskin.
- ii. Penyusunan semula corak guna tenaga.
- iii. Penyusunan semula hakmilik sektor syarikat.
- iv. Pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan bumiputera.

Pencapaian Ekonomi

Kesungguhan kerajaan ini telah membuahkan hasil berdasarkan pencapaian yang diperolehi. Antara kejayaan yang dicapai ialah :

a. Kadar kemiskinan secara keseluruhan telah berkurangan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 17.1% pada tahun 1990.

b. Penyusunan semula guna tenaga. Penyertaan Bumiputera dalam bidang pekerjaan profesional seperti jurutera, akauntan dan arkitek telah meningkat daripada 22.2% pada tahun 1985 kepada 29% pada tahun 1990.

c. Berjaya mewujudkan keseimbangan di antara sektor pertanian dengan sektor perindustrian dan perkhidmatan.

d. Eksport keluaran pembuatan telah meningkat daripada 12% pada tahun 1970 kepada 60.4% pada tahun 1990.

e. Hak milik modal saham Bumiputera telah meningkat daripada 4.3% pada tahun 1971 kepada 20.3% pada tahun 1990.

f. Pemilikan hak milik modal saham asing dikurangkan daripada 63.3% kepada 25.1%.



Pencapaian ekonomi mengurangkan kadar kemiskinan.



Peningkatan penyertaan rakyat dalam bidang profesional.



Eksport keluaran pembuatan turut meningkat sehingga 60.4%.

Dasar-Dasar Kerajaan

Sungguhpun DEB berjaya mencapai matlamatnya namun dasar ini tertakluk kepada beberapa dasar lain yang dilaksanakan oleh kerajaan. Dasar-dasar ini mempunyai matlamat, strategi dan program tersendiri yang dapat mencapai hasrat perpaduan nasional serta pembangunan ekonomi negara.

Dasar awam boleh didefinisikan sebagai arah umum yang ingin dituju oleh kerajaan sehubungan dengan masalah tertentu. Ia merupakan dasar awam dan penaklukan yang asas bagi program-program kerajaan yang bertujuan mengatasi sesuatu masalah negara.

Antara dasar yang dilaksanakan ialah :

1. Dasar Perindustrian Negara

Dasar ini bertujuan melaksanakan program-program pembangunan perindustrian yang terancang bagi mengurangkan pergantungan negara pada sektor pertanian dan perlombongan. Maka usaha ini dilakukan dengan membuka beberapa kawasan perindustrian bagi menggalakkan pelabur asing membuka kilang-kilang perindustrian di negara kita.



Beberapa kawasan perindustrian telah dibuka bagi menggalakkan pelabur asing melabur di negara ini.

Dalam masa yang sama Pelan Induk Perindustrian (PIP) diumumkan pada Februari 1986 bagi tujuan menyediakan matlamat pembangunan serta strategi-strategi bagi sektor perindustrian terutamanya sektor perkilangan bagi tempoh 1986-1995. Dengan itu, pada tahun 1987 sektor perkilangan telah muncul sebagai sektor ekonomi yang terpenting di negara kita dengan sumbangan sebanyak 22.5% kepada KDNK berbanding sektor pertanian sebanyak 21.8%.

Manakala pada tahun 1990, sumbangan sektor perkilangan telah meningkat kepada 27% berbanding dengan sektor pertanian sebanyak 18.7%. Pencapaian ini adalah hasil daripada peningkatan pelaburan asing dan tempatan yang amat pesat dalam sektor perkilangan.

2. Dasar Perindustrian Berat

Ia bertujuan mengurangkan pergantungan Malaysia pada negara asing bagi bekalan alat jentera serta mengembangkan industri sokongan. Pembangunan industri berat dapat membentuk ekonomi negara agar lebih kukuh dalam jangka masa panjang. Dasar ini telah berjaya membuka peluang kepada sektor swasta untuk memainkan peranan yang lebih cemerlang dalam pembangunan ekonomi negara.

Bagi melaksanakan dasar ini kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada tahun 1980. Ia bertujuan mengenalpasti, melaksana dan menguruskan projek-projek industri berat.



Pengeluaran kereta nasional yang mendapat sambutan hebat di dalam dan di luar negara telah menjulang nama Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian.



Malaysia menekankan aspek kerajinan dan disiplin bekerja sebagai salah satu cara mempertingkatkan produktiviti rakyatnya.

Usaha ini berjaya mencapai beberapa objektif iaitu :

- i. Pembuatan kereta penumpang iaitu Proton Saga oleh Perusahaan Otomobil Nasional Sendirian Berhad (PROTON).
- ii. Pengeluaran besi berongga dan billet keluli oleh kilang PERWAJA di Terengganu.
- iii. HICOM-Honda Manufacturing (M) Sendirian Berhad.

3. Dasar Pandang Ke Timur

Dasar ini dipelopori oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1982. Ia melibatkan usaha-usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai dan amalan-amalan yang baik dari Jepun dan Korea Selatan. Dasar ini bertujuan membangunkan negara melalui nilai-nilai dan amalan-amalan tersebut yang diubahsuaikan dengan keadaan di Malaysia.

Dasar ini bertujuan meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan negara di samping mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai etika kerja dan nilai positif dalam mempertingkatkan produktiviti. Penekanan diberi terutama kepada aspek kerajinan, disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara, keutamaan kepada kumpulan dan peningkatan daya pengeluaran.

Schubungan itu, sehingga bulan Oktober 1991 seramai 2136 pelatih telah dihantar ke Korea Selatan untuk mengikuti latihan perindustrian dan teknikal manakala 315 orang pelajar telah ditempatkan di kolej-kolej teknikal di Jepun.

4. Dasar Persyarikatan Malaysia

Dasar ini telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 25 Februari 1983. Objektif utamanya ialah :

- i. Mewujudkan kerjasama erat antara sektor swasta dan awam bagi mempertingkatkan pembangunan negara.
- ii. Meningkatkan hasil negara.
- iii. Menghapuskan salah faham antara sektor awam dan sektor swasta melalui perkongsian maklumat.

Strategi yang dilaksanakan di bawah dasar ini ialah semua kementerian, jabatan dan badan berkanun telah diarah melalui Surat Perkeliling Am Bil. 2 1984 untuk menubuhkan Panel Perundingan antara sektor swasta dengan sektor awam. Keadaan ini membolehkan penglibatan sektor swasta dalam penggubalan dasar dan prosedur kerajaan dengan lebih berkesan.



Dasar persyarikatan Malaysia telah meningkatkan hasil negara.



Salah satu syarikat yang telah diswastakan.

Pencapaiannya ialah beberapa agensi kerajaan telah menubuhkan Panel Perundingan. Contohnya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menubuhkan Majlis Gerakan Eksport pada tahun 1985. Sehingga akhir tahun 1991, seramai 90 orang pegawai perkhidmatan awam telah ditempatkan secara sementara di sektor swasta.

5. Dasar Penswastaan

Dasar ini diperkenalkan pada tahun 1983, yang melibatkan pemindahan perkhidmatan atau perusahaan kerajaan kepada sektor swasta. Objektif yang hendak dicapai ialah mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan. Ia disebabkan hasil kerajaan merosot pada tahun 1980-an akibat kemelesetan ekonomi dunia serta perbelanjaan sektor awam yang kian meningkat.

Dasar ini juga bertujuan meningkatkan mutu dan daya pengeluaran perkhidmatan yang terlibat memandangkan sistem pengurusan sektor swasta adalah lebih cekap. Langkah ini dikenal pasti dapat mempercepat pembangunan ekonomi negara menerusi pelaburan daripada pihak swasta.

Usaha melaksanakannya membawa kepada pembentukan sebuah Jawatankuasa Penswastaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi bagi mengemaskini penyediaan program penswastaan. Jawatankuasa ini mengeluarkan dua garis panduan bagi jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun menswastakan sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada kepentingan mereka.



Sektor swasta dapat meningkatkan pengeluaran negara.

Sehingga 1 September 1990, sebanyak 32 projek telah diswastakan. Antaranya ialah Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Penerbangan Malaysia (MAS), Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Telekom Malaysia Berhad, Lebuhraya Utara-Selatan, Sports Toto Sdn. Bhd dan Airod Sdn. Bhd.

6. Dasar Pertanian Negara

Dasar Pertanian Negara (DPN) dilancarkan pada 12 Januari 1984 merupakan strategi jangka panjang negara sehingga tahun 2000. Ia diperkenalkan bagi membantu kerajaan dan sektor swasta untuk membangunkan sektor pertanian termasuk ternakan, perikanan dan perhutanan.

Sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) telah menurun daripada 21.8% pada tahun 1987 kepada 18.7% pada tahun 1990. Dari aspek guna tenaga, sumbangan sektor pertanian dalam menyediakan peluang pekerjaan telah menurun daripada 51% pada tahun 1970 kepada 27.8% pada tahun 1990.

Antara objektif DPN ialah :

- i. Meningkatkan pendapatan para petani menerusi pengurusan sumber secara cekap dan berkesan.
- ii. Memaju dan meningkatkan hasil serta mutu komoditi-komoditi ekonomi seperti kelapa sawit, getah dan koko.
- iii. Meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan seperti beras.

Pelbagai strategi telah disusun untuk mencapai objektif tersebut iaitu :

- a. Pembukaan tanah baru
 - i. Dipergiatkan oleh FELDA, pihak berkuasa pembangunan wilayah dan kerajaan negeri.
 - ii. Saiz sesebuah kebun akan disesuaikan dengan jenis dan sistem tanaman yang dipilih.
 - iii. Para peserta ditempatkan di kawasan rancangan tanah lebih awal bagi membantu usaha menyediakan kawasan untuk tanaman.
- b. Pembangunan "in-situ"
 - i. Membangunkan kawasan-kawasan sedia ada terutamanya di kampung-kampung tradisional bagi tujuan meningkatkan daya pengeluaran petani miskin.
 - ii. Tanah-tanah yang tidak ekonomi dikenal pasti dari segi saiz akan dikerjakan secara kelompok di bawah konsep estet mini. Kaedah tersebut membolehkan penggunaan jentera yang dapat meningkatkan daya pengeluaran serta mengatasi masalah kekurangan buruh.
- c. Penglibatan sektor swasta
 - i. Mengurangkan beban kerajaan dalam pembangunan pertanian.
 - ii. Mengalakkan penglibatan sektor swasta, Kementerian Pertanian telah menswastakan beberapa projeknya.
 - iii. Pihak swasta digalakkan menyumbang dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.
- d. Pembangunan komoditi dan perhutanan
 - i. Kerajaan akan menggalakkan pembangunan komoditi-komoditi yang terpilih untuk eksport, memenuhi keperluan makanan negara dan gantian import.



Bangunan RISDA yang terletak di Jalan Ampang.

- ii. Pembukaan hutan dihadkan kepada kawasan-kawasan tertentu manakala kawasan yang diterokai akan ditanam semula dengan pokok-pokok yang cepat tumbuh atau tanaman ekonomi yang lain.
- e. Perkhidmatan
- i. Penyelidikan pertanian dipertingkatkan melalui agensi-agensi kerajaan seperti PORIM (Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia), RRI (Institut Penyelidikan Getah Malaysia) dan MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia).
 - ii. Perkhidmatan pengembangan dijalankan melalui RISDA, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan Jabatan Perikanan.
 - iii. Sistem pemasaran keluaran pertanian akan dipertingkatkan lagi menerusi kegiatan FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).
- f. Pembangunan sosial dan institusi
- i. Meliputi perkembangan kemanusiaan, sosial dan institusi.
 - ii. Institusi-institusi kampung dan peladang akan diperkukuh menerusi latihan manakala kemudahan sosial di estet-estet akan dibaiki.

Usaha ini membawa kepada beberapa pencapaian iaitu :

1. FELCRA telah melaksanakan projek pembangunan kampung tradisional di Ulu Berang, Terangganu, Kampung Kok, Kedah, dan Teratak Batu, Kelantan.
2. RISDA telah mengelolakan projek penanaman saka secara estet mini di Kampung Parit Seraya dan Kampung Parit Selangor, Johor.
3. Lembaga Pertubuhan Peladang telah melaksanakan projek penanaman padi secara estet mini di Tanjung Karang, Selangor.
4. Kementerian Pertanian telah menswastakan beberapa projek seperti projek akuakultur di Puchong, Selangor dan projek penyembelihan di Pusat Penyembelihan Shah Alam, Ipoh, Kuantan, Melaka, Taiping dan Johor Bahru.

7. Dasar Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar

Dasar ini bertujuan meningkatkan pendapatan para petani supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan. Dua strategi utama untuk melaksanakan dasar ini ialah :



Pejabat pertanian dibina di kawasan luar bandar bagi mendapat maklumat dan membantu petani kecil di kawasan luar bandar.

- i. Pengelompokan dan penyusunan kampung-kampung secara teratur bagi mewujudkan pusat pertumbuhan baru.
- ii. Penyatuan tanah dan pengurusan aktiviti pertanian secara komersial dan pembangunan industri kampung.

Penyatuan kebun-kebun dan bendang-bendang kecil membolehkan pengurusan aktiviti pertanian dijalankan secara lebih komersial iaitu lebih cekap dan menguntungkan. Pembangunan ini berfungsi menambahkan pendapatan pengusaha kecil serta mewujudkan peluang pekerjaan yang baru.

8. Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara

Dasar ini bertujuan meningkatkan pencapaian negara untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan. Ia juga untuk memastikan sumber-sumber negara digunakan secara optimum bagi mengelakkan pembaziran.

Usaha ini dilaksanakan melalui beberapa pelan tindakan iaitu :

- a. Membaiki sistem dan organisasi berhubung tatacara kerja, sistem fail, sistem maklumat dan objektif organisasi
- b. Menerapkan etika kerja yang baik seperti Kepimpinan Melalui Teladan, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Kempen Bersih, Cekap dan Amanah.
- c. Penggunaan teknologi baru dan canggih.



Dasar yang dijalankan ialah untuk meningkatkan pencapaian negara serta kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan. Dasar ini juga memastikan sumber negara dapat digunakan dengan lebih baik bagi mengelakkan sebarang pembaziran.

Usaha yang dirancang ini membawa kepada pencapaian dari segi pengeluaran negara sekitar tahun 1980 hingga 1990. Di samping itu, ekonomi Malaysia telah mencatat kadar pertumbuhan yang pesat.

9. Dasar Kependudukan Negara

Matlamat dasar ini adalah untuk mencapai jumlah penduduk sebanyak 70 juta orang menjelang 2010. Pertumbuhan penduduk begitu penting dalam jangka panjang kerana mendatangkan beberapa faedah seperti bekalan tenaga buruh yang mencukupi untuk pembangunan negara, peluasan pasaran tempatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam pada itu, usaha ini menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kuat dari segi politik dan keselamatan. Schubungan itu, kerajaan telah memperkenalkan dasar percutaan dan faedah-faedah bersalin yang lebih menguntungkan bagi keluarga beranak lima. Kerajaan juga berusaha memastikan bahawa pertambahan penduduk tidak menimbulkan masalah terutama dari segi kemudahan pendidikan, perumahan, kesihatan dan peluang pekerjaan.



Pencapaian ekonomi negara.



Pertumbuhan penduduk boleh membekalkan tenaga buruh yang banyak.



Pendidikan penting dalam sesebuah negara.

SUDUT UJI MINDA

1. Di manakah landasan kereta api pertama di Sabah dibina?
2. Siapakah orang yang bertanggungjawab membawa benih getah ke Tanah Melayu?
3. Mengapakah buruh India dibawa masuk ke Tanah Melayu?
4. Apakah dasar British yang membolehkan syarikat Eropah mendapatkan tanah yang luas di Tanah Melayu?
5. Apakah kemudahan asas yang dibina oleh British?
6. Mengapakah dasar kerajaan British lebih cenderung kepada peladang Eropah?
7. Mengapakah petani terpaksa menjual tanah mereka?
8. Nyatakan jalan raya-jalan raya yang dibina sekitar tahun 1911.
9. Apakah kesan daripada kemudahan perkhidmatan kereta api yang disediakan?
10. Mengapakah kerajaan British mengekalkan orang Melayu dalam sektor ekonomi tradisional?
11. Mengapakah orang Cina dan India yang pada mulanya hanya bekerja tetapi akhirnya menetap di sini?
12. Apakah yang dimaksudkan dengan dasar penswastaan?
13. Apakah objektif DPN?
14. Nyatakan dasar halacara dalam pembangunan kampung dan luar bandar.
15. Apakah yang matlamat pembangunan usahawan?

PEMBANGUNAN EKONOMI DI ALAF BARU



Kerajaan menentukan sasaran untuk membina sebuah negara yang adil dan saksama.

Cetusan idea Wawasan 2020 yang dilahirkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merangkumi tempoh masa 30 tahun. Tunjang kepada segala matlamat yang digariskan ialah menjadikan Malaysia negara yang benar-benar maju dalam tiga dekad. Wawasan ini merupakan pembangunan menyeluruh merangkumi ekonomi, politik, sosial, kebudayaan, kerohanian dan kejiwaan.


Dari sudut ekonomi, sasaran yang diletakkan ialah membentuk sebuah masyarakat yang adil ekonominya yakni masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil lagi saksama. Memupuk sebuah masyarakat yang makmur dengan ekonomi yang mampu menghadapi saing, bersifat dinamik dan mempunyai daya tahan.

Memandangkan ekonomi merupakan salah satu elemen terpenting, usaha yang bersungguh-sungguh perlu diberi penekanan. Usaha yang dilakukan ialah penghapusan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi yang tertentu. Keadaan ini bagi membolehkan semua rakyat Malaysia melepaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Memastikan juga terdapat imbalan kaum dalam bidang-bidang iktisas dan semua jenis pekerjaan yang utama.

Projek Perumahan Kos Rendah

Usaha seumpama ini telah dipikul oleh kerajaan negeri dengan mengalakkan lebih ramai pemaju mendirikan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Ia merupakan alternatif tepat terhadap usaha kerajaan dengan membuktikan kesungguhan mengatasi masalah kekurangan rumah terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Dengan kata lain, kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah ini supaya memastikan masyarakat yang berpendapatan rendah mampu memiliki rumah sendiri menjelang 2005.

Keadaan ini juga bertepatan dengan dasar PKNS yang sentiasa berusaha memenuhi keperluan perumahan untuk orang ramai yang akan diagihkan secara



Projek perumahan kos rendah dibina untuk menampung kepadatan penduduk di ibu kota dan mengatasi masalah perumahan di kalangan penduduk miskin.

demokratik. Dalam masa yang sama PKNS bertindak sebagai pengimbang dalam industri perumahan.

Dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan sentiasa memastikan supaya pelaksanaan program perumahan akan terus diberi keutamaan. Tumpuan utama adalah kepada pembangunan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah. Apa yang lebih diharapkan ialah sektor swasta sentiasa disaran memainkan peranan yang penting dalam program perumahan yang bersepadu.

Contohnya di daerah Petaling, semenjak tahun 1967 kerajaan negeri telah meluluskan pembinaan sebanyak 105,302 unit rumah kos rendah kepada pemaju swasta dan juga agensi kerajaan seperti PKNS. Sehingga kini sebanyak 33,809 unit rumah iaitu kira-kira 32.1% telah siap dibina dan telah pun diduduki. Selain itu, sebanyak 6,100 unit atau 5.9% sedang dalam pembinaan. Sebanyak 67,024 unit atau 63.8% masih belum dibina dan kerajaan negeri Selangor sedang berusaha menggesa syarikat-syarikat pemaju yang telah diberi kelulusan supaya memberi keutamaan kepada pembinaan rumah kos rendah di samping kos sederhana dan kos tinggi.

Walau bagaimanapun masih terdapat golongan yang tidak berpeluang untuk memiliki mana-mana jenis rumah. Faktor ini disebabkan kekurangan bekalan rumah kos sederhana yang layak dibeli. Malah mereka adalah golongan yang tidak layak membeli rumah kos rendah atas sebab tertentu.

Maka kerajaan mengambil inisiatif membina lebih banyak rumah jenis sederhana rendah yang berharga di antara RM26,000 sehingga RM60,000. Untuk itu, kerajaan negeri telah menetapkan sasaran 59,000 unit rumah kos sederhana rendah atau 37.6% dari keseluruhan sasaran keperluan perumahan negeri menjelang tahun 2000.

Program Pembangunan Usahawan

Dalam usaha mencapai matlamat menjadi negara maju menjelang tahun 2020, kerajaan mula menyedari bahawa faktor kualiti manusia memainkan peranan utama. Kualiti yang terbaik ini penting dalam menjayakan satu-satu pembangunan pantas menjana pertumbuhan ekonomi negara. Tumpuan lebih kepada generasi muda yang merupakan aset terpenting bagi memastikan negara mencapai sasaran dalam era globalisasi.

Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa berusaha merangka pelbagai program untuk membantu kumpulan usahawan yang berpotensi. Usaha seumpama ini melihatkan iltizam dan keperihatinan kerajaan terhadap pembangunan usahawan. Lazimnya bengkel-bengkel usahawan menekankan aspek seperti :

- a. Melatih untuk memimpin, mengurus dan mentadbir.
- b. Membaiki komunikasi melalui kaedah jual beli.
- c. Keupayaan pengurusan masa dan merancang dengan baik.
- d. Meningkatkan keyakinan diri dan semangat juang.
- e. Memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan.
- f. Membina keberanian untuk mengambil risiko dan semangat meneroka.

Jika diimbaz sejarah ekonomi, lebih 20 tahun kita telah menggunakan strategi bantuan kepada bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru(DEB). Walaupun berupaya mencapai kejayaan tetapi tidak sepenuhnya seperti yang disasarkan. Keadaan hari ini jauh berbeza kerana segalanya bergerak pantas merentasi masa.



Bangunan Dewan Perniagaan Melayu yang terletak di Pulau Pinang.

Maka jika kita masih lagi berlengah sudah tentunya kita akan terus jauh ketinggalan. Apatah lagi untuk memantapkan pertumbuhan ekonomi.

Statistik menunjukkan sehingga Disember 1995, terdapat seramai 1,421 kontraktor bumiputra di Selangor. Manakala sebanyak 1,159 syarikat (81.4%) merupakan Kontraktor Kelas F yang biasanya kurang berpendidikan tinggi. Maka untuk meningkatkan pencapaian golongan ini, kerajaan merancang dan menyusun beberapa program motivasi seperti kursus lanjutan dalam bidang kontraktor.


Kerajaan juga sentiasa berusaha mengadakan suatu program yang boleh meningkatkan bilangan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB). Pembangunan IKS pula telah diberi peruntukan besar sebagai strategi untuk membangunkan IKS agar lebih cekap dan berdaya saing dalam menyokong industri besar seperti Program Pembangunan Teknologi dan Program Perolehan Teknologi. Melalui usaha ini sejumlah peruntukan yang besar diberi iaitu sebanyak RM100 juta.

Tambahan sebanyak RM20 juta disediakan untuk pembangunan IKS. Manakala RM100 juta diperuntukkan untuk menyediakan tapak-tapak industri IKS dan dana pelaburan domestik diperuntukkan sebanyak RM50 juta.

Jelas kepada kita bahawa agenda pembangunan usahawan memerlukan satu bentuk perancangan yang rapi dan tersusun. Perlu diingat bahawa bidang usahawan sesuatu yang tidak bersifat statik ia sentiasa berubah dan berkembang mengikut peredaran semasa. Setiap individu perlu bersedia untuk berubah dan membentuk nilai keusahawanan yang berketepatan dengan perubahan arus terkini. Sanggup menerima apa juga keadaan untuk dijadikan pengalaman yang bermanfaat sebagai pencetus kepada lahirnya idea yang lebih cemerlang.

Keluaran Barangan Tempatan

Bermula pada tahun 1997 ekonomi negara berkembang dengan kadar yang baik iaitu dalam lingkungan 8% setahun. Tetapi menjelang suku tahun pertama 1998, ekonomi negara bukan sahaja tidak berkembang sebaliknya mengalami penguncupan sehingga negatif 1.8%. Keadaan ini sekaligus menjejaskan tahap pembangunan negara dan seterusnya memberi kesan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.



Barangan buatan tempatan tetap berkualiti dan menawarkan harga yang berpatutan.

Di samping itu, peranan juga perlu dimainkan oleh para peniaga dalam usaha mempromosikan barangan buatan Malaysia. Sokongan boleh dilakukan dengan menjual barangan tersebut pada harga yang berpatutan, menawarkan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti, beretika, bertanggungjawab serta memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dengan baik. Semasa kegawatan ekonomi orang awam tidak mempunyai pilihan kerana barang yang diimport lebih mahal daripada barang-barang tempatan.

Kerajaan terus berusaha mengadakan “Kempen Belilah Barangan Malaysia”, kempen ini bertujuan supaya pengguna sedar bahawa barangan buatan Malaysia adalah berkualiti dan setanding dengan barang yang diimport. Terdapat satu kajian bebas yang dibuat oleh sebuah syarikat antarabangsa iaitu Sofres Fsa Malaysia mendapati 95% daripada 2000 orang dewasa yang tinggal di kawasan bandar sedar akan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.

Kerajaan juga mengambil langkah untuk memastikan aliran wang tunai bertambah dalam negara. Oleh itu Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ditubuhkan bagi tujuan melindungi ringgit dan saham Malaysia daripada diniagakan oleh pihak asing yang mengambil kesempatan daripada krisis ekonomi dan mata wang negara.

Usaha ini menjadikan ringgit hanya laku sebagai mata wang dalam Malaysia sahaja. Kerajaan juga telah berjaya membawa pulang sebanyak 4.9 bilion ringgit pada 8 Oktober 1998 bagi membantu sistem perbankan kita memberi pinjaman semula.

Pasaran saham juga dibantu untuk melepaskan diri daripada kesan kegawatan ekonomi. Kerugian sebanyak 600 bilion berlaku di pasaran saham yang dihadapi oleh saham-

saham tersenarai. Bagi membantu pasaran saham tersebut, kerajaan telah menentukan agar sebarang urusan saham di Malaysia dibuat melalui Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Sebarang jual beli saham yang tidak melalui BSKL dianggap tidak sah dan tidak diiktiraf. Langkah ini menyebabkan semua perniagaan saham dikembalikan ke Malaysia. Ini termasuklah komisyen-komisyen hasil daripada urus niaga saham akan diperolehi oleh broker saham Malaysia dan mereka boleh mengukuhkan kedudukan kewangan mereka bagi meningkatkan perniagaan saham di Malaysia.

Berdasarkan belanjawan negara pada tahun 1999, didapati defisit belanjawan adalah sebanyak RM16.8 juta.. Ia merupakan satu angka yang besar malah tidak pernah berlaku dalam belanjawan negara. Terdapat lebihan dalam belanjawan negara dengan terjejasnya Keluaran Negara Kasar (KNK) sehingga 6.8% dalam suku kedua tahun 1998. Nilai ringgit merosot dengan ketara dan kerugian dua pertiga daripada pasaran modal di BSKL.

Walau bagaimanapun, kita bersyukur kerana ekonomi negara semakin pulih setelah dua tahun berlalu. Apa yang penting sebagai rakyat yang prihatin sewajarnya perkara ini diambil iktibar agar ia tidak berulang pada masa akan datang.

Langkah yang boleh dilakukan ialah mengawal kadar inflasi. Usaha-usaha kerajaan mengawal inflasi tidak mungkin berjaya jika pengguna masih bersikap boros dan sanggup membeli tanpa mengira harga yang ditawarkan. Amalan yang



Rakyat perlu mengamalkan sikap menabung untuk mengatasi inflasi.

kurang sihat adalah kekerapan membeli barang menggunakan kredit mudah. Dengan peningkatan kadar inflasi daripada 3.1% bagi tempoh tiga bulan pertama tahun 1997 kepada 4.3% bagi tempoh yang sama pada tahun ini, menunjukkan kadar inflasi negara meningkat kepada 7% hingga 8%.

Oleh yang demikian, para pengguna dan kerajaan perlu berhemah dalam berbelanja bagi menjamin keupayaan ekonomi negara pada masa-masa akan datang.

Melangkah Ke Era Teknologi Maklumat

Dalam usaha meningkatkan tahap ekonomi negara, Malaysia telah melangkah setapak lagi apabila memberanikan diri membawa perubahan kepada corak hidup masyarakat melalui pendekatan teknologi maklumat. Usaha ini bukan satu angan-angan kosong tanpa ada perancangan atau agenda yang perlu dilaksanakan.

Untuk itu, kerajaan berusaha membawa negara kita Malaysia menuju ke arah kemajuan melalui pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), Putrajaya dan Cyberjaya yang terletak di Selangor. Pada masa kini teknologi maklumat menjadi tonggak utama yang mencerminkan kesungguhan Malaysia mencapai status negara maju.



Negara telah melangkah ke era teknologi maklumat.

Hal ini juga selaras dengan agenda yang termaktub dalam Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang berdaya cipta dan berpandangan jauh, yakni masyarakat yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi malah menjadi penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Maka usaha kerajaan ini amat tepat dengan matlamat negara dalam merealisasikan Wawasan 2020. Sebagai negara maju, teknologi maklumat amat penting dalam menjalankan sebarang bentuk komunikasi. Tidak kira sama ada komunikasi dalam negara mahupun antarabangsa. Dengan itu, wujud pelbagai konsep perkhidmatan seperti e-dagangan, e-kerajaan, e-komuniti, e-pembelajaran dan sebagainya.

Konsep pelbagai perkhidmatan yang disalurkan melalui alam maya atau ruang siber selari dengan arus perkembangan era globalisasi. Perkembangan sihat ini secara implisit meninggalkan impak yang positif kerana membawa perubahan dari segi sosiopolitik, sistem ekonomi, dan membentuk gaya hidup baru di alaf baru.

Melalui teknologi canggih manusia berurusan melalui bantuan komputer dan kemudahan internet. Kelengkapan ini membolehkan orang ramai, individu, organisasi perniagaan dan kakitangan awam dan swasta berurusan dengan pantas tanpa batasan waktu dan sempadan.



Dengan menggunakan komputer manusia dapat berhubung dengan mudah walau di mana mereka berada. Kemudahan ini dapat dilakukan dengan menggunakan perkhidmatan internet.



Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan agenda IT Kebangsaan.

Agenda IT Kebangsaan (National IT Agenda, NITA) telah dilancarkan pada Disember 1996 oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. NITA berfungsi memberi garis panduan bagaimana kemudahan teknologi maklumat dapat digunakan untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju selaras dengan Wawasan 2020.

Dalam pada itu, berlaku peningkatan penyertaan penduduk negara ini dalam perkembangan teknologi komunikasi maklumat (ICT). Ia merupakan usaha negara melakukan perubahan dalam industri berkenaan. Melalui Rancangan Malaysia ke lapan kerajaan memberi penekanan yang besar terhadap pembangunan ICT.

Antara rancangan yang dirangka ialah Program Penyediaan Universal (USP), Pusat Internet Desa, Kempen Pemilikan PC, E-Masyarakat dan sebagainya. Program yang dilaksanakan ini bertujuan meningkatkan pembabitan rakyat negara ini dalam perkembangan ICT.

Tulang belakang bagi memastikan usaha ini berjaya adalah aspek pendidikan. Kedatangan alaf baru bersama dengan ledakan ICT membuktikan betapa perlunya perubahan radikal dalam dunia pendidikan. Hakikatnya proses pembelajaran pada alaf ini mengalami perubahan yang begitu pesat dan tidak hanya berlaku secara fizikal.

Segala sumber pengajaran dan pembelajaran mula disalurkan menerusi talian berasaskan Web dan Internet. Situasi pembelajaran ini mewujudkan dua keadaan iaitu pembelajaran di bilik darjah yang bersifat fizikal dan secara elektronik atau bersifat maya.

Oleh yang demikian, maklumat-maklumat yang berasaskan teknologi maklumat begitu diperlukan bagi menentukan *kualiti dan kejayaan* dalam pengeluaran setiap barangan industri negara.

Menjana Ekonomi Melalui Tabungan

Di samping pelbagai usaha yang dilakukan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi negara, sebenarnya ada satu langkah mudah yang boleh dilakukan oleh setiap individu tanpa mengira usia mahupun tahap kehidupan iaitu melalui tabungan.

Usaha murni ini mendapat sokongan padu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila melancarkan Kempen Menabung Peringkat Kebangsaan pada 16 Disember 1996. Matlamat usaha ini ialah untuk menyemai budaya menabung secara berkesan di kalangan rakyat. Cara penyimpanan wang di bawah bantal harus diubah kepada cara menyimpan yang lebih selamat, terancang dan mendatangkan pulangan yang lebih baik.

Contoh yang boleh dilihat adalah amalan menabung yang diamalkan oleh masyarakat Jepun. Melalui amalan menabung yang terancang di kalangan masyarakat membolehkan mereka mengeksport modal ke negara-negara lain sama ada dalam bentuk pelaburan, pinjaman dan lain-lain bentuk instrumen kewangan.



Rakyat Malaysia dapat menerima perubahan dan perkembangan teknologi maklumat dengan baik dan berkesan.

Perdana Menteri menegaskan bahawa jumlah tabungan di Malaysia berbanding Keluaran Negara Kasar adalah sebanyak 37% iaitu kedua selepas Singapura. Keadaan ini menunjukkan fenomena positif sikap masyarakat Malaysia. Tetapi kerajaan meletakkan tahap 45.1% tabungan Keluaran Negara Kasar bagi terus memantapkan ekonomi negara. Semua lapisan masyarakat perlu bekerjasama untuk mencapai matlamat tersebut walaupun tiada jangka masa yang ditetapkan.



Salah sebuah institusi perbankan yang turut berusaha meningkatkan tabungan.

Usaha-usaha ke arah matlamat tersebut perlu dilipatgandakan melalui siri penerangan dan kempen bagi menggalakkan tabungan di kalangan rakyat.

Contohnya di Selangor, jumlah tabungan yang meliputi deposit permintaan, deposit tetap dan akaun simpanan berjumlah RM27.67 bilion pada tahun 1995 dan meningkat kepada RM37.24 bilion pada tahun 1996. Pecahan mengikut simpanan individu pula berjumlah RM13.602 bilion pada tahun 1995 dan meningkat kepada RM18.352 bilion pada tahun 1996. Kadar peningkatan ini menunjukkan kesedaran tentang pentingnya penabungan untuk masa hadapan.

Dalam usaha mencapai matlamat ini, ibu bapa juga memainkan peranan penting sebagai contoh ikutan kepada anak-anak mereka. Galakan memerlukan praktikal yang difahami oleh mereka dan kebaikan yang bakal diperolehi. Apa yang penting tiada umur yang sesuai untuk memulakan amalan ini ataupun penamat untuk menabung. Tabungan ini tidak semestinya dilakukan dalam jumlah yang besar. Cukup sekadar mengikut kemampuan jumlah yang boleh disimpan.

Sehubungan itu, kerajaan sentiasa menggalakkan setiap keluarga memulakan budaya menabung dengan menyemai sikap ini di kalangan anak-anak dan diri sendiri. Bukalah akaun simpanan di mana-mana institusi kewangan atau laburlah dalam saham-saham amanah. Cara yang paling baik adalah dengan memilih salah satu kombinasi pelbagai produk tabungan yang menggambarkan perancangan kewangan.

KESIMPULAN

“Tidak ada formula yang tidak cela. Namun agenda yang paling cela dan paling tidak berguna adalah agenda yang begitu sempurna, tetapi tidak dilaksanakan.”

Kata-kata ini dipetik daripada ucapan Perdana Menteri sewaktu mengulung penyampaian Wawasan 2020 pada tahun 1991.

Jika dihayati kata-kata tersebut dengan teliti dapat kita kupas dan fahami perkara tersirat yang ingin disampaikan. Benar kita sentiasa perlu mengambil iktibar daripada pengalaman sama ada baik atau buruk. Dengan itu, kita sentiasa dalam keadaan sedia menerima sebarang bentuk kemungkinan yang bakal melanda.

Dalam keghairahan kita membangunkan segala perancangan dari sudut ekonomi khususnya, perlu kita sedar bahawa jalan yang bakal dilalui tidak semudah membina perancangan. Apa yang penting setiap lapisan masyarakat wajar mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran sama ada pengurusan, pemasaran, perakaunan dan teknologi maklumat untuk menjadi pengusaha yang benar-benar mantap dalam bidang ekonomi.

Untuk itu, latihan tidak sewajarnya dilihat remeh kerana setiap pengalaman yang kita lalui adalah satu latihan. Dari segi logiknya adalah penting mempelajari daripada seseorang yang berpengalaman agar kita tidak mengulangi kesilapan yang lepas.

Namun hari ini kita bersyukur, kita dapat hidup dalam keadaan ekonomi yang baik. Segala aktiviti dapat disempurnakan dan diharapkan kestabilan ini terus berkekalan dalam usaha merealisasikan wawasan yang dinantikan.